

Publication	Harian Metro	Section / Page	C57	Date	29 October 2019
Headline	Takaful Malaysia Menyumbangkan Tongkat Pintar Kepada Golongan Cacat Penglihatan dan Buta				



TAKAFUL MALAYSIA MENYUMBANGKAN TONGKAT PINTAR KEPADA GOLONGAN CACAT PENGLIHATAN DAN BUTA BERSEMPENA HARI KESEDARAN TONGKAT PUTIH

TAKAFUL MALAYSIA dengan kerjasama Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia ("MAB") dan Al-Tasneem Sdn Bhd bergabung melancarkan peranti elektronik yang pertama seumpamanya, iaitu tongkat pintar e-Cane yang digunakan untuk membantu pergerakan dan navigasi golongan cacat penglihatan dan buta. Majlis pelancaran bersempena dengan Hari Kesedaran Tongkat Putih ini juga menyaksikan Takaful Malaysia menyumbangkan 100 unit e-Cane bernilai RM400,000 kepada golongan cacat penglihatan dan buta sebagai sebahagian daripada Program Tanggungjawab Sosial Korporat Syarikat Takaful myJalinan Kasih.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Takaful Malaysia, Dato' Sri Mohamed Hassan Kamil berkata, "Majlis pada hari ini merupakan salah satu platform untuk Takaful Malaysia mencapai pelbagai lapisan masyarakat, terutama golongan cacat penglihatan. Peranti elektronik e-Cane ini akan membantu golongan cacat penglihatan untuk mengesan rintangan dengan memberi petunjuk dalam bentuk bunyi serta getaran. Ia juga dilengkapi dengan lampu kelipan merah yang bertindak sebagai ciri keselamatan untuk pergerakan waktu malam bagi orang sekeliling lebih berhati-hati apabila menghampiri mereka. Kami amat berbesar hati menjadi sebahagian daripada inisiatif gabungan inovasi teknologi dan tanggungjawab sosial korporat ini kerana transformasi digital dan penglibatan dalam komuniti sentiasa menjadi sebahagian

daripada matlamat dan budaya korporat syarikat kami."

Majlis pelancaran e-Cane ini disempurnakan oleh Naib Presiden MAB, Dr. S. Hadi Abdullah. Ditubuhkan pada tahun 1951 oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menjaga kesejahteraan golongan cacat penglihatan di negara ini, MAB telah melaksanakan peranannya termasuk program pendidikan, kursus pemulihan, latihan vokasional dan perkhidmatan penempatan. Al-Tasneem Sdn Bhd, sebuah syarikat mengkhusus dalam penyelidikan, perisian dan multimedia adalah syarikat pertama yang menghasilkan e-Cane pintar di Malaysia dan yang kelima di dunia.

Dato' Sri Hassan Kamil menjelaskan, "Kami percaya bahawa golongan cacat penglihatan dan buta harus diberikan peluang untuk bersama-sama memacu

arus pembangunan teknologi. Inisiatif ini mendorong kami untuk melakukan apa yang kami lakukan setiap hari selain beroperasi secara bertanggungjawab dari segi sosial yang sama pentingnya terhadap perniagaan kami. Kerjasama kami dengan MAB dan Al-Tasneem membuktikan usaha berpanjangan kami untuk memberi semula kepada komuniti dan membantu mewujudkan masyarakat di mana individu dan perniagaan mampu berkembang maju dengan merapatkan jurang dan perhubungan mereka melalui teknologi dan peluang. Di Takaful Malaysia, kami menjulang nilai korporat kami dengan menyediakan peluang pekerjaan untuk golongan OKU dan majlis hari ini lebih bermakna kerana dua daripada penerima terpilih e-Cane ini adalah kakitangan syarikat kami."

Bercakap kepada media, Rusdi

Mat Sa'at dan Fazilah Rahim, antara penerima terpilih e-Cane dan juga yang merupakan kakitangan Takaful Malaysia, berkata, "Terima kasih kepada teknologi kerana melaluinya golongan cacat penglihatan seperti kami dapat menggunakan teknologi yang tersedia untuk kesejahteraan kami. Kami mengagumi peranti tongkat pintar ini kerana ia akan membantu memudahkan pergerakan kami serta menjadikannya lebih baik dan selamat melalui ciri inovatif tersebut. Kami amat berterima kasih kepada Takaful Malaysia kerana menghulurkan bantuan kepada golongan cacat penglihatan dengan mendermakan e-Cane dan menjadikan kehidupan kami lebih selesa. Sumbangan yang dibuat ini sememangnya bermanfaat dan menyentuh hati kami kerana kebajikan kami sebagai kakitangan syarikat dijaga dengan baik."